

Kaitan antara Pencapaian Pelajar dalam Kursus Kenegaraan Malaysia dengan Faktor Demografi

Nor Azlah Sham Bt Rambely
Fakulti Sains Kognitif dan Pendidikan
Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok, Kedah.
azlah@uum.edu.my

Abstrak : Kajian ini dijalankan untuk mengkaji hubungan antara faktor jantina, bangsa, bidang pengajian dan pencapaian dalam mata pelajaran Sejarah semasa SPM dengan pencapaian pelajar dalam kursus Kenegaraan Malaysia. Kajian ini berbentuk kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan (survey) dengan menggunakan instrumen soal-selidik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor jantina, etnik, dan bidang pengajian dengan pencapaian kursus Kenegaraan Malaysia, walaubagaimanapun terdapat perbezaan yang signifikan mengikut faktor pencapaian mata pelajaran Sejarah semasa SPM. Dapatan ini menunjukkan bahawa pencapaian dalam mata pelajaran Sejarah semasa SPM dapat membantu pelajar mengikuti dan memahami kursus Kenegaraan Malaysia yang diajar. Ini menunjukkan bahawa pendedahan dan pengetahuan asas di dalam subjek Sejarah telah memberi kesan positif kepada pencapaian pelajar dalam subjek Kenegaraan Malaysia di peringkat yang lebih tinggi lagi.

Katakunci: Kursus Kenegaraan Malaysia, Ilmu Sejarah, Pencapaian Akademik Pelajar

1.0 Pengenalan

Kita sering mendengar orang memperkatakan tentang kenegaraan. Kenegaraan sangat penting dan berkait rapat dengan rakyat, budaya, politik, ekonomi dan sejarah sesebuah negara. Kenegaraan merupakan satu kursus yang mengajar tentang hal-ehwal sesebuah negara untuk melahirkan warganegara yang baik dan bertanggungjawab (Zainal Kling, 1985). Warganegara yang baik mesti mempunyai tanggungjawab terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara (Wan Halim Wan Othman, 1993). Sementara dalam disiplin sains politik pula, kenegaraan selalu dirujuk sebagai pembinaan negara bangsa (Asnarulkhadi Abu Samah & Jayum A. Jawan, 1997). Umumnya kenegaraan adalah satu bidang pengajian yang matlamatnya melahirkan rakyat atau warganegara yang baik dan bertanggungjawab dalam usaha membentuk sebuah negara dan bangsa yang bersatu padu dan dihormati di peringkat antarabangsa melalui pembelajaran dan penghayatan kursus Kenegaraan Malaysia.

Warganegara yang baik dan bertanggungjawab perlu mengetahui latar belakang warisan budayanya, perkembangan sejarah bangsa dan negaranya. Pengetahuan sejarah perlu diketahui, difahami dan dihayati untuk membantu ke arah menanam dan mengembangkan kesedaran dan kebanggaan terhadap negara. Dengan mempelajari sejarah tanah air, ia menimbulkan rasa kecintaan dan dapat mendedahkan kepada semangat kesetiaan, rasa kesyukuran serta sedia berkorban untuk mempertahankan kedaulatan negara. Di samping itu juga, intipati sejarah dapat membantu golongan muda memahami dan menghargai perjuangan kemerdekaan dan kemajuan-kemajuan yang telah dicapai oleh negara. Pengetahuan dan pemahaman terhadap sejarah boleh membentuk jati diri yang akan menjadi kebanggaan masyarakat, lantas mempengaruhi sikap kesetiaan (loyalty) dan patriotisme, iaitu sanggup berkorban kerana negara (Mohd Idris Saleh & Rohani Abdul Ghani, 2004).

Pemupukan semangat kesetiaan dan patriotisme di kalangan generasi baru di Malaysia sangat penting dan perlu dipergiatkan setiap masa kerana corak dan keadaan masyarakat Malaysia yang majmuk lagi kompleks. Mereka dipisahkan oleh budaya dan cara hidup yang berbeza. Jurang perbezaan yang besar di antara mereka hasil daripada tinggalan Inggeris ini telah menghalang perpaduan dan integrasi kaum. Perasaan cintakan negara dan semangat sanggup berkorban untuk negara sepatutnya dipupuk di kalangan masyarakat yang berbilang kaum. Kesedaran yang mendalam tentang perlunya masyarakat yang telah diintegrasikan ke dalam satu bangsa dapat dibuat dengan lebih berjaya jika generasi sekarang sedar bahawa negara kita telah melalui pelbagai zaman dan cabaran melalui pendidikan dan penghayatan Kenegaraan Malaysia (Mohd Idris Saleh & Rohani Abdul Ghani, 2004).

Sehubungan itu di Universiti Utara Malaysia (UUM), Kenegaraan Malaysia merupakan kursus teras universiti yang wajib diambil oleh semua pelajar dan wajib lulus. Bermula dari Semester Pertama Sesi 2004/2005 kursus ini dinaiktaraf dari dua jam kredit kepada tiga jam kredit.

2.0 Permasalahan Kajian

Kecemerlangan akademik pelajar adalah merupakan agenda yang utama bagi sesebuah institusi pengajian tinggi. Dalam konteks Kenegaraan Malaysia, kecemerlangan pelajar dalam kursus ini akan menyerlahkan lagi keperibadian seseorang rakyat yang mengaku sebagai warganegara Malaysia.

Sehubungan itu kandungan kursus Kenegaraan Malaysia meliputi sejarah pembinaan bangsa dan negara ini sejak zaman pra merdeka hingga kepada pembentukan dasar-dasar kerajaan selepas merdeka. Kursus ini terdiri daripada beberapa gabungan disiplin ilmu seperti sejarah, politik dan ekonomi. Kesemua disiplin ilmu ini diadun menjadi satu kursus kenegaraan Malaysia yang mengamalkan konsep pengajaran dan pembelajaran yang merentas sempadan ilmu secara bijaksana.

Kombinasi beberapa disiplin ilmu yang membentuk kursus Kenegaraan Malaysia menjadikan kandungannya terlalu luas dengan batasan waktu yang sangat terhad. Ini menyebabkan suasana membosankan kepada sesetengah pelajar. Lumrah bagi manusia mempunyai minat dan kemahuan yang berbeza, begitu juga dengan pelajar mempunyai minat yang berbeza mengenai subjek yang diajar oleh guru. Selain masa yang terhad dan kursus yang panjang, sikap turut memainkan peranan penting (Mohd Idris Saleh & Rohani Abdul Ghani, 2004).

Bagi kebanyakan orang, kenegaraan adalah satu kursus yang di dalamnya penuh dengan peristiwa dan fakta sejarah. Sehubungan itu kursus ini seringkali dianggap sama seperti kursus sejarah yang telah diajar pada peringkat sekolah menyebabkan majoriti para pelajar tidak bersikap serius dalam kursus ini. Tambahan pula di peringkat sekolah, mata pelajaran Sejarah dikatakan sebagai subjek yang sukar diajar dan antara yang paling sukar dalam kurikulum sekolah (Zainal Abidin Abdul Wahid dalam Adnan Hj Nawang, 1985). Di samping itu berdasarkan kajian Rohana Zubir (1982), pengajaran Sejarah masa kini yang kurang berkesan serta lebih bertumpu kepada kaedah hafalan, teks dan buku panduan peperiksaan menyebabkan sikap pelajar terhadap kursus ini kurang menggalakkan.

Selain itu setelah tujuh tahun pendidikan Sejarah Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dilaksanakan, terdapat banyak isu yang telah dibangkitkan, antaranya Sejarah sebagai mata pelajaran yang kurang diminati (Juriah, Halimah, Zalizan dalam Siti Rohah Abdullah, 1998).

Selain itu, Tan Ai Hoon (1997) menekankan sikap ibu bapa dan masyarakat yang menganggap mata pelajaran Sejarah tidak setanding dan sepenting mata pelajaran lain seperti Bahasa Melayu dan Matematik yang juga merupakan mata pelajaran teras dalam KBSM, menyebabkan Sejarah dilihat sebagai mata pelajaran wajib yang tidak perlu dititikberatkan.

Dalam konteks kursus Kenegaraan Malaysia di UUM, sikap sambil lewa kerana merasakan sudah tahu tentang subjek yang diajar telah mendorong tindak-tanduk yang negatif di dalam kuliah seperti tidur, berbual, ponteng dan sebagainya (Mohd Idris Saleh & Rohani Abdul Ghani, 2004). Sehubungan itu tanpa penghayatan, pembelajaran kursus ini cuma menjadi satu aktiviti keperluan bagi memenuhi syarat yang terpaksa diikuti sahaja. Oleh itu kursus Kenegaraan Malaysia yang bermatlamat untuk mengajar tentang hal ehwal sesebuah negara bagi melahirkan warganegara yang baik dan bertanggungjawab tidak akan kesampaian.

Tambahan pula dalam konteks yang lebih luas, pelajar-pelajar ini sebagai generasi muda di negara ini merupakan kelompok terbesar yang mengisi ruang dan jumlah keseluruhan kependudukan negara. Dianggarkan sebanyak 50 peratus daripada seramai lebih kurang 24 juta penduduk negara ini diisi oleh mereka yang berusia antara 15 hingga 40 tahun. Kadar ini membayangkan betapa negara ini dicorak oleh mereka, sama ada dari segi keperluan sumber manusia, pendidikan, kesenian dan hiburan, gaya hidup dan sebagainya (Khairul Azhar Idris, 2002). Sehubungan itu pelajar adalah aset yang amat berharga dalam menentukan arah pembangunan pada masa akan datang.

3.0 Sorotan Karya

Faktor jantina dengan pencapaian pelajar

Kajian yang dilakukan oleh Stage dan Kloosterman (1995), mendapati tiada perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan dari segi pencapaian mereka di dalam mata pelajaran Matematik. Hasil kajian ini hampir sama dengan dapatan yang diperolehi dalam kajian yang dilakukan oleh Foo Siet Chooi (1988) mengenai faktor jantina terhadap pencapaian pelajar di dalam pelajaran Matematik Moden untuk pelajar jurusan sastera di mana dapatan kajiannya menunjukkan faktor jantina tidak mempengaruhi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran yang berkenaan. Kajian ini disokong oleh hasil dapatan yang serupa sebelumnya oleh Mahmud Yahaya (1990) dan Foo Siet Chooi (1988).

Manakala kajian Manja Mohd Ladim (1990) menegaskan pencapaian akademik pelajar perempuan lebih cemerlang dari pencapaian pelajar lelaki. Hal ini disebabkan mereka lebih mudah mematuhi arahan guru, manakala pelajar lelaki lebih sukar mematuhi arahan, suka memprotes dan memberontak. Meor (1992) yang mengkaji

perkaitan antara sikap dengan pencapaian pelajar Tingkatan Empat aliran Sains mengikut jantina dalam mata pelajaran Kimia Moden mendapati sikap lebih mempengaruhi pencapaian pelajar perempuan berbanding pelajar lelaki. Di antara pelajar lelaki dan perempuan yang mempunyai sikap positif, pelajar perempuan menunjukkan pencapaian yang lebih baik. Begitu juga kajian oleh Pruett (dalam Govindasamy Kalendai, 1998) menyatakan bahawa jantina mempunyai impak terhadap pencapaian Matematik. Dapatannya menunjukkan pencapaian pelajar perempuan lebih rendah berbanding pelajar lelaki. Kajian Peris (dalam Govindasamy Kalendai, 1998) juga mendapati wujud hubungan yang signifikan antara jantina dan pencapaian Matematik dan pencapaian pelajar lelaki lebih baik berbanding pelajar perempuan.

Faktor bidang pengajian dengan pencapaian pelajar

Berdasarkan kepada faktor bidang pengajian dengan pencapaian pelajar, kebanyakan pengkaji tidak memfokuskan kepada bidang kajian kerana kebanyakan sorotan karya hanya merujuk kepada pencapaian pelajar yang berfokuskan kepada mata pelajaran tertentu sahaja. Contohnya pelajar Prinsip Akaun dengan mata pelajaran Perdagangan, pelajar Matematik dengan mata pelajaran Matematik. Sedangkan dalam kajian ini tumpuan adalah berfokuskan kepada kursus Kenegaraan Malaysia sedangkan bidang pengajian responden adalah pelbagai dan kursus Kenegaraan Malaysia merupakan kursus teras bukan merupakan kursus tumpuan utama dalam bidang pengajian responden.

Faktor bangsa dengan pencapaian pelajar

Kajian Kamarudin Hj Husin (1996) dalam perbezaan prestasi antara pelajar Melayu dan pelajar bukan Melayu mula wujud sejak di sekolah rendah lagi. Pendidikan di peringkat rendah menjadi asas dan tapak kepada pencapaian semasa di sekolah menengah, maka kelemahan di peringkat rendah akan menyebabkan kesinambungan ke peringkat yang lebih atas. Idrus Ibrahim (1998) prestasi akademik pelajar-pelajar bumiputera secara keseluruhannya sederhana dan secara umumnya lebih rendah berbanding dengan prestasi pelajar-pelajar bukan bumiputera. Penyataan ini konsisten dengan dapatan Mahmud Yahaya (1990) dari kajiannya telah mendapati pencapaian Matematik pelajar bukan Melayu lebih tinggi berbanding dengan pelajar Melayu. Kajian Abdul Ghani Ab. Aziz (1994) mendapati pencapaian pelajar Melayu dalam mata pelajaran Matematik dan Sains lemah disebabkan oleh minat yang berkurangan dan sikap malas untuk menghadapi pelajaran.

Idrus Ibrahim (1998) mendapati perbezaan akademik pelajar bergantung kuat kepada bangsa. Penyataan ini juga disokong oleh Sharifah Mohd Nor (1992) yang mendapati dari kajiannya bahawa bangsa mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik murid tahun 1. Didapati pencapaian akademik pelajar India adalah lebih rendah berbanding pelajar Cina dan Melayu. Tetapi Bremer-Evans (1994) dalam kajiannya di Michigan mendapati bangsa bukanlah faktor yang signifikan terhadap pencapaian akademik, sebaliknya pencapaian membaca yang menentukannya.

Faktor pencapaian mata pelajaran Sejarah dalam peperiksaan SPM dengan pencapaian pelajar

Kajian Farley & Ramsay (1988) di Amerika Syarikat menunjukkan pelajar yang telah mengambil mata pelajaran Perakaunan di peringkat sekolah menengah mendapat gred yang lebih baik di dalam mata pelajaran Perakaunan tahun pertama universiti berbanding dengan pelajar-pelajar yang tidak pernah mengambilnya. Eskew & Farley (1988) juga mendapati bahawa pendedahan dan pengetahuan asas di dalam subjek Perakaunan telah memberi kesan yang positif kepada pencapaian pelajar dalam subjek Perakaunan di peringkat yang lebih tinggi lagi.

Kajian Doran & Bouillon (1991) mendapati pengetahuan asas yang dimiliki oleh pelajar Simpankira boleh membantu pencapaian pelajar dalam kursus awal Perakaunan. Satu kajian berkenaan dengan kursus awal Perakaunan telah dilakukan di Hong Kong di mana faktor pengalaman mempelajari mata pelajaran Perakaunan di sekolah telah menyumbang atau memberi kesan yang positif kepada pencapaian pelajar dalam kursus Perakaunan (Gul & Fong, 1993).

Di Malaysia melalui kajian yang dilakukan oleh Lai (1994), menunjukkan prestasi pelajar di dalam mata pelajaran Matematik, Perakaunan, dan Ekonomi di peringkat STPM memberi kesan ke atas pencapaian pelajar di dalam kursus Pengenalan Perakaunan di UM. Kajian Didia & Hasnat (1998) mendapati prestasi terdahulu dalam subjek-subjek yang berkaitan seperti subjek asas Perakaunan, Ekonomi dan Matematik mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi pelajar di dalam subjek asas Kewangan.

Lim & Lourdasamy (1994) dalam kajian mereka terhadap interaksi pembolehubah iaitu kemahiran Matematik dengan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Matematik di peringkat Tahun Satu universiti menunjukkan pencapaian yang terdahulu mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian Matematik di peringkat universiti.

4.0 Objektif Kajian

Untuk melihat perbezaan pencapaian pelajar dalam kursus Kenegaraan Malaysia dengan faktor jantina, etnik, bidang pengajian dan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sejarah semasa Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) (SPM Sejarah)

5.0 Soalan Kajian

Adakah wujud perbezaan dari segi jantina, etnik, bidang pengajian dan SPM Sejarah dalam kursus Kenegaraan Malaysia?

6.0 Definisi Operasional

Kenegaraan Malaysia - merupakan satu kursus yang mengajar tentang hal ehwal sesebuah negara untuk melahirkan warganegara yang baik dan bertanggungjawab (Zainal Kling, 1985). Kursus ini diajar kepada semua pelajar-pelajar UUM dan majoritinya mengambil kursus ini semasa berada dalam Semester 1 dan 2.

Sejarah – salah satu disiplin ilmu dalam kursus Kenegaraan Malaysia. Intipati sejarah dalam kursus ini dapat membantu golongan muda memahami dan menghargai perjuangan kemerdekaan dan kemajuan-kemajuan yang telah dicapai oleh negara.

SPM Sejarah – merujuk kepada keputusan/gred yang pelajar perolehi dalam mata pelajaran Sejarah semasa peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.

Bidang pengajian – merujuk kepada nama fakulti responden di UUM.

4.0 Metodologi

4.1 Rekabentuk kajian

Kajian berbentuk kuantitatif menggunakan kaedah tunjauan (survey) dengan menggunakan instrumen soal-selidik.

4.2 Populasi dan Persampelan

Dalam kajian ini, populasi sasaran penyelidikan ialah semua pelajar Semester Satu Universiti Utara Malaysia yang mengambil kursus Kenegaraan Malaysia Semester Pertama Sesi 2004/2005. Responden kajian yang terlibat adalah seramai 314 orang pelajar yang dipilih secara rawak mudah untuk dijadikan sample kajian daripada 1600 orang pelajar yang mendaftar untuk kursus Kenegaraan Malaysia.

4.3 Dapatan Kajian

4.3.1 Profil Responden

Dari segi jantina, Jadual 1 menunjukkan bahawa 75 % (381) adalah responden perempuan dan 23.8 % (121) adalah responden lelaki.

Jadual 1 Taburan Responden Dari Segi Jantina

	Frekuensi	Peratus	Peratus Kumulatif
Lelaki	62	19.7	20.0
Perempuan	248	79.0	100.0
Jumlah	310	98.7	
Missing	4	1.3	
Jumlah	314	100.0	

Dari segi bangsa, Jadual 2 menunjukkan bahawa 65.5 % (333) adalah responden berbangsa Melayu dan 23.4 % (119) daripada responden berbangsa Cina dan 7.7 % (39) daripada responden berbangsa India.

Jadual 2 Taburan Responden Dari Segi Bangsa

	Frekuensi	Peratus	Peratus Kumulatif
Melayu	199	63.4	64.2
Cina	76	24.2	88.7
India	27	8.6	97.4
Lain-lain	8	2.5	100.0
Jumlah	310	98.7	
Missing	4	1.3	
Jumlah	314	100.0	

Dari segi bidang pengajian (fakulti), Jadual 3 menunjukkan responden paling ramai adalah dari Fakulti Teknologi Maklumat iaitu 15.4 % (78). Manakala taburan responden dari fakulti-fakulti lain adalah agak seimbang.

Jadual 3 : Taburan Responden Dari Segi Fakulti

	Frekuensi	Peratus	Peratus Kumulatif
FSKP	18	3.5	3.6
FPSM	22	4.3	4.3
FP	30	5.9	5.9
FKP	29	5.7	5.7
FSK	19	3.7	3.7
FPAU	33	6.5	6.5
FPA	31	6.1	6.1
FE	45	8.9	8.9
FPP	47	9.3	9.3
FTM	78	15.4	15.4
FPHAS	38	7.5	7.5
FKBM	25	4.9	4.9
FPT	24	4.7	4.7
FWB	35	6.9	6.9
FPK	33	6.5	6.5
Jumlah	507	99.8	100
Missing	1	.2	

Jadual 4 menunjukkan bahawa taburan responden yang mendapat gred A1 dan A2 dalam keputusan mata pelajaran sejarah semasa SPM adalah 13.6% (70), manakala taburan responden yang mendapat gred B dan C dalam keputusan mata pelajaran sejarah semasa SPM agak seimbang, dengan 36.6 % (186) daripada responden mendapat gred C5 dan C6 dan 32.2 % (164) daripada responden mendapat gred B3 dan B4. Manakala responden yang mendapat gred E8 dan G9 (gagal) adalah 4.1 % (21).

Jadual 4 : Taburan Responden Dari Segi Pencapaian Dalam Matapelajaran Sejarah Semasa SPM

Gred	Frekuensi	Peratus	Peratus Kumulatif
A1	19	6.1	6.3
A2	19	6.1	12.5
B3	50	15.9	28.9
B4	48	15.3	44.7
C5	73	23.2	68.8
C6	43	13.7	82.9
D7	38	12.1	95.4
E8	12	3.8	99.3
G9	2	.6	100.0
Jumlah	304	96.8	
Missing	10	3.2	
Jumlah	314	100.0	

Jadual 5 menunjukkan bahawa 14.4 % (51) daripada responden mendapat markah 70 dalam Kursus Kenegaraan Malaysia dan 9.1% (35) daripada responden mendapat markah 71.

Jadual 5 : Taburan Responden Dari Segi Kategori Markah Dalam Kursus Kenegaraan Malaysia

Markah Kursus	Frekuensi	Peratus	Peratus Kumulatif
---------------	-----------	---------	-------------------

53.00	1	.2	.3
55.00	4	.8	1.1
58.00	1	.2	.3
60.00	3	.6	.8
61.00	9	1.8	2.5
62.00	8	1.6	2.3
63.00	7	1.4	2.0
65.00	29	5.7	8.2
66.00	13	2.6	3.7
67.00	16	3.1	4.5
68.00	17	3.3	4.8
70.00	51	10.0	14.4
71.00	35	6.9	9.9
72.00	25	4.9	7.1
73.00	31	6.1	8.8
74.00	13	2.6	3.7
75.00	16	3.1	4.5
76.00	14	2.8	4.0
77.00	7	1.4	2.0
78.00	10	2.0	2.8
80.00	15	3.0	4.2
81.00	8	1.6	2.3
82.00	8	1.6	2.3
83.00	1	.2	.3
85.00	6	1.2	1.7
86.00	2	.4	.6
88.00	1	.2	.3
89.00	1	.2	.3
98.00	1	.2	.3
Jumlah	353	69.5	100.0
Missing	155	30.5	

4.2.1 Analisis Inferensi

Soalan kajian: Adakah wujud perbezaan dari faktor jantina, bangsa, bidang pengajian dan SPM Sejarah ke atas pencapaian pelajar dalam kursus Kenegaraan Malaysia?

Hasil daripada ujian-t yang dijalankan mendapati nilai $t = -.094$ dan $p > 0.05$, ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi pencapaian pelajar dalam kursus Kenegaraan Malaysia di antara pelajar lelaki dan perempuan. Ini berdasarkan min pelajar lelaki ($\text{min} = 70.9355$, $\text{sp} = 5.8586$) dan min pelajar perempuan ($\text{min} = 71.0161$, $\text{sp} = 6.1216$). Dengan itu hipotesis H_01 boleh diterima.

Jadual 5 : Faktor jantina dengan pencapaian kursus Kenegaraan Malaysia

	JANTINA	N	Min	Sisihan Piawai	t	df	p
GRED	lelaki	62	70.9355	5.8586	.094	308	.926
	perempuan	248	71.0161	6.1216			

Hasil daripada ujian ANOVA Sehalu yang dijalankan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi pencapaian pelajar mengikut bidang pengajian. Maka H_02 diterima.

Jadual 6 : Faktor bidang pengajian dengan pencapaian kursus Kenegaraan Malaysia

	Sum of Squares	df	Min Square	F	Sig.
Antara Kumpulan	1028.207	14	73.443	2.104	.012
Dalam Kumpulan	10437.703	299	34.909		
	11466.000	313			

Hasil daripada ujian ANOVA Sehalu yang dijalankan berdasarkan jadual di bawah menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi pencapaian pelajar mengikut kaum ($F = 1.486$ dan $p > 0.05$). H_03 boleh diterima.

Jadual 7: Faktor bangsa dengan pencapaian kursus Kenegaraan Malaysia

	Sum of Squares	df	Min Square	F	Sig.
Antara Kumpulan	162.926	3	54.309	1.486	.218
Dalam Kumpulan	1118.7.074	306	36.559		
	11350.000	309			

Hasil daripada ujian ANOVA Sehalu yang dijalankan berdasarkan jadual di bawah menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi pencapaian pelajar mengikut pencapaian Sejarah dalam Peperiksaan SPM ($F = 4.163$ dan $p < 0.05$). Maka H_0 boleh diterima.

Jadual 8 : Faktor pencapaian Sejarah dalam SPM dengan pencapaian kursus Kenegaraan Malaysia

	Sum of Squares	df	Min Square	F	Sig.
Antara Kumpulan	1124.039	8	140.505	4.163	.000*
Dalam Kumpulan	9957.487	295	33.754		
Jumlah	11081.526	303			

* Signifikan pada aras 0.05

5.0 Rumusan dan Perbincangan

Kajian ini mendapati bahawa tidak ada perbezaan yang signifikan di antara faktor jantina dengan pencapaian kursus kenegaraan Malaysia ($r = -.094$, $p > 0.05$), min pelajar lelaki (min = 70.9355, $sp = 5.8586$) dan min pelajar perempuan (min = 71.0161, $sp = 6.1216$). Ini menunjukkan bahawa tidak kira sama ada pelajar tersebut lelaki atau perempuan, ia tidak ada kaitan dengan pencapaian dalam kursus Kenegaraan Malaysia.

Dapatan ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Stage dan Kloosterman (1995), mendapati tiada perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan dari segi pencapaian mereka di dalam mata pelajaran Matematik. Hasil kajian ini hampir sama dengan dapatan yang diperolehi dalam kajian yang dilakukan oleh Foo Siet Chooi (1988) mengenai faktor jantina terhadap pencapaian pelajar di dalam pelajaran Matematik Moden untuk pelajar jurusan Sastera di mana dapatan kajiannya menunjukkan faktor jantina tidak mempengaruhi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran yang berkenaan. Kajian ini disokong oleh hasil dapatan yang serupa sebelumnya oleh Mahmud Yahaya (1990), dan Amin M.K. (1996).

Namun daripada penyelidikan yang lalu terdapat beberapa penemuan yang menyatakan faktor jantina ada kaitan dengan pencapaian akademik seseorang pelajar, antaranya Manja Mohd Ludin (1990), Meor Ibrahim Kamaruddin (1992) yang menegaskan pencapaian akademik pelajar perempuan lebih cemerlang dari pencapaian pelajar lelaki. Begitu juga kajian oleh Pruett dan Peris (1994, dalam Govindasamy, 1998) menyatakan bahawa jantina mempunyai impak terhadap pencapaian Matematik. Dapatan menunjukkan pencapaian pelajar lelaki lebih baik berbanding pelajar perempuan.

Hasil daripada ujian ANOVA Sehalu mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi pencapaian pelajar mengikut bidang pengajian ($F = 1.648$ dan $p > 0.05$). Dapatan kajian ini menunjukkan bidang pengajian pelajar tidak menentukan pencapaian pelajar. Berdasarkan data deskriptif menunjukkan responden paling ramai adalah dari Fakulti Teknologi Maklumat iaitu 15.4 % (78), manakala responden dari fakulti-fakulti lain adalah agak seimbang.

Hasil daripada ujian ANOVA Sehalu dapatan kajian juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi pencapaian pelajar dalam kursus Kenegaraan Malaysia mengikut bangsa ($F = 2.244$ dan $p > 0.05$). Daripada penyelidikan yang lalu terdapat beberapa penemuan yang menyatakan faktor jantina ada kaitan dengan pencapaian akademik seseorang pelajar, antaranya kajian oleh Kamarudin Hj Husin (1996) dan Sharifah Mohd Nor (1992), menunjukkan bahawa prestasi pencapaian pelajar bumiputera secara keseluruhannya sederhana dan secara umumnya lebih rendah berbanding dengan prestasi pelajar-pelajar bukan bumiputera, tetapi pencapaian akademik pelajar India lebih rendah berbanding pelajar Melayu dan Cina.

Namun dapatan ini selaras dengan Bremer-Evans (1994, dalam Govindasamy, 1998) dalam kajiannya di Michigan mendapati bangsa bukanlah faktor yang signifikan terhadap pencapaian akademik, sebaliknya pencapaian membaca yang menentukannya. Hal ini ditegaskan oleh kajian Badriyah Salleh (1989/1990), berkaitan pembelajaran Sejarah di institusi pengajian tinggi beliau mendapati tiada jalan pendek untuk mendapatkan pengetahuan dan pengalaman. Bacaan yang banyak sepatutnya didorong oleh perasaan ingin tahu yang semula jadi dan bukan yang

dipaksakan. Tegasnya, keinginan semula jadi perlu wujud di dalam diri setiap pelajar dalam menentukan minat terhadap pembelajaran demi menguasai pelajaran tersebut.

Bagi faktor demografi terakhir yang merujuk kepada pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sejarah semasa SPM menunjukkan hasil daripada ujian ANOVA Sehalu yang dijalankan terdapat perbezaan yang signifikan bagi pencapaian kursus Kenegaraan Malaysia mengikut pencapaian dalam mata pelajaran Sejarah semasa SPM ($F = 4.163$ dan $p < 0.05$). Analisis Post-hoc dijalankan dan menunjukkan perbezaan di antara pelajar yang mendapat gred A1 (markah = 75.84%), gred A2 (markah = 73.95%) dan E8 (markah = 65.67%).

Dapatan ini menunjukkan bahawa pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sejarah dapat membantu pelajar mengikuti dan memahami kursus Kenegaraan Malaysia yang diajar. Dapatan ini konsisten dengan dapatan kajian Farley dan Ramsay (1988) di Amerika Syarikat menunjukkan pelajar yang telah mengambil mata pelajaran Perakaunan di peringkat sekolah menengah mendapat gred yang lebih baik di dalam mata pelajaran Perakaunan tahun pertama universiti berbanding dengan pelajar-pelajar yang tidak pernah mengambilnya. Eskew dan Farley (1988) juga mendapati bahawa pendedahan dan pengetahuan asas di dalam subjek Perakaunan telah memberi kesan yang positif kepada pencapaian pelajar dalam subjek Perakaunan di peringkat yang lebih tinggi lagi.

Kesimpulannya secara keseluruhan kajian ini merumuskan bahawa pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sejarah semasa SPM dapat membantu pelajar memahami dan mengikuti kursus Kenegaraan Malaysia dengan berkesan. Hal ini disebabkan sejarah perkembangan politik, ekonomi dan sosial masyarakat Malaysia perlu difahami oleh semua penduduk dan rakyat Malaysia. Setiap kaum perlu memahami segala perkembangan yang telah berlaku agar generasi masa hadapan akan dapat gambaran dan fahaman yang bermakna.

6.0 Cadangan

Berdasarkan dapatan kajian, subjek Sejarah perlu dititikberatkan dari peringkat sekolah dengan menekankan tentang guna dan makna ilmu sejarah dalam kehidupan individu, keluarga dan masyarakat. Dengan adanya penanaman ilmu sejarah dari peringkat rendah membolehkan ia meresap dalam minda dan jiwa pelajar. Tambahan pula generasi hari ini harus menilai kedudukan masyarakat pada masa dahulu dan menjadikannya sebagai iktibar untuk membentuk sebuah negara bangsa Malaysia baru yang bersatu-padu, dihormati dan berdaulat melalui pembelajaran dan penghayatan kursus Kenegaraan Malaysia.

Di institusi pengajian tinggi para pensyarah juga perlu mencari satu formula bagaimana harus menawan hati muridnya melalui pengajaran. Hal ini disebabkan secara amnya pengalaman guru, cara guru mempertingkatkan profesionalisme, sikap dan kaedah pengajaran guru banyak mempengaruhi minat murid dalam pembelajaran Sejarah (Siti Rohah Abdullah, 1998). Tambahan pula disebabkan sistem pendidikan kita masih berorientasikan peperiksaan dan cenderung ke arah penghafalan, maka perlunya satu perubahan kepada corak pengujian. Memandangkan para pelajar telah melepasi alam persekolahan maka peringkat universiti memerlukan satu corak pengujian yang berbeza. Pengajaran, pembelajaran dan pengujian perlu dipelbagaikan seperti kaedah inkuiri, penyelidikan, projek, penganalisaan data dan 'open book test' bagi merangsang minda murid agar lebih kreatif dan kritis.

Di samping itu institusi pengajian tinggi perlu mewujudkan hubungan yang rapat dengan alat komunikasi media massa elektronik dan akhbar, serta persatuan sejarah di peringkat cawangan untuk mewujudkan kegiatan yang aktif seperti mengadakan rancangan yang berkaitan tentang sejarah secara berterusan, menyiarkan banyak drama sejarah, menganjurkan peraduan menulis esei, cerpen, novel, pantun sejarah dan menggalakkan kajian sejarah tempatan. Seterusnya kesedaran tentang program sejarah ini hendaklah melibatkan semua kaum dan golongan. Ini bermakna kesedaran ini bukan hanya setakat kanak-kanak, penuntut atau mahasiswa sahaja, malahan daripada setiap peringkat lapisan masyarakat. Sebagai permulaan pihak Jabatan Muzium, Kementerian Pelancongan, Perpustakaan Negara, Arkib Negara dan Institusi Pengajian Tinggi perlu ada koordinasi dan hubungan yang rapat. Kemudian barulah digemblengkan pada setiap peringkat pentadbiran dan Jabatan Kerajaan, setiap taman perumahan dan di peringkat kampung misalnya ada perpustakaan awam sendiri dengan mempunyai banyak buku-buku dan bahan-bahan sejarah (Khazin Mohd Tamrin, 1998) yang berkaitan dengan sejarah negara kita.

Sesungguhnya semua perancangan dan program ini adalah sangat perlu sekiranya kita ingin mencapai matlamat untuk membina masyarakat yang bimaruah, berimej tinggi dan berperibadi mulia walaupun berasaskan kepada berbagai-bagai agama dan budaya.

Rujukan

- Abdul Ghani Ab. Aziz. (1994). Mengapa Melayu lemah dalam matematik. *Berita Harian*, 30 Ogos 1994.
Amin, M.K. (1996). *Gender and Mathematic achievement parity: Evidence from post-secondary education*, 586-592.
Asnarulkhadi Abu Samah & Jayum A. Jawan (ed.).(1997). *Kenegaraan Malaysia*. Serdang: Penerbit Universiti Pertanian Malaysia.

- Badriyah Salleh. (1989/1990). Pembelajaran Sejarah di institusi pengajian tinggi. *Pendidik dan Pendidikan*. 10, (9-17).
- Didia, D. & Hasnat, B. (1998). The determinants of performance in the University Introductory Finance course, *Financial Practice & Education, Spring/Summer, Vol. 8, Issue 1. Vol 6 (1), 102*.
- Doran, B.M. & Bouillon, M.L. (1991). Determinants of student performance in Accounting Principles I and II. *Issues in Accounting Education, Vol 6 (1), 74-85*.
- Eskew, R.K. & Farley, R.H. (1988). Some determinants of student performance in the first college-level Financial accounting course. *The Accounting Review, January, 137-147*.
- Farley, A.A. & Ramsay, A.L. (1998). Student performance in first year tertiary Accounting courses and its relationship to secondary Accounting education. *Accounting and Finance, 28 (1), May, 29-44*.
- Foo Siet Chooi. (1988). *Hubungan antara sikap, jantina dan penguasaan konsep asas Matematik dengan pencapaian dalam mata pelajaran Matematik Moden untuk pelajar jurusan sastera*. Tesis Sarjana UKM.
- Govindasamy A/L Kolendai. (1998). *Sikap dan pencapaian pelajar-pelajar Geografi*. Tesis Sarjana UUM.
- Gul, F.A. & Fong, S. (1993). Predicting success for introductory Accounting students: Some further HK evidence. *Accounting Education, 2 (1), 33-42*.
- Idrus Ibrahim. (1998). *Pencapaian Matematik di peringkat Menengah Rendah*. Tesis Master, UUM.
- Juriah Long. (1975). *Masalah pencapaian murid-murid bukan Melayu dalam peperiksaan Bahasa Malaysia di peringkat MCE – satu analisis*. Tesis Sarjana Pendidikan, UM.
- Kamarudin Hj Husin. (1996). *Sekolah dan perkembangan kanak-kanak*. Siri Pengajian dan Pendidikan Utusan. Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distributor Sdn. Bhd.
- Khairul Azhar Idris, “Generasi muda perlukan kekuatan minda”, *Utusan Malaysia, 16 Mei 2002*.
- Koo Kay Kim, “Relevansi pendidikan Sejarah dalam gelombang abad ke-21”, dalam Seminar Pendidikan Sejarah Kebangsaan: Pembaharuan dan inovasi pendidikan Sejarah bagi menghadapi cabaran abad ke-21, 13-14 Nov 1996. Kuala Lumpur: Jabatan Pendidikan Sains Sosial, UM.
- Lai, M.T. (1994). Some evidence on the determinants of student performance in the University of Malaya, Introductory Accounting Course. *Accounting Education, Vol 3, 331-340*.
- Lim C.S. & Lourdasamy, A. (1994). Interaction of prior knowledge, race and cognitive style with Mathematics achievement at the first year university level. *Journal of Science and Mathematics Education in S.E. Asia, University of Science Malaysia. 12 (2), 38-42*.
- Mahmud Yahaya. (1990). *Pencapaian dan persepsi pelajar-pelajar tingkatan satu terhadap aktiviti pelajaran matematik*. Tesis M.Ed. UKM.
- Manja Mohd Ludin (1990). *Peranan rakan sebaya terhadap pencapaian kanak-kanak di sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Meor Ibrahim Kamaruddin (1992). Sikap pelajar terhadap mata pelajaran Sains. *Buletin Persatuan UTM, Vol 4, 27-41*.
- Mohd Aliyas Hj. Hamdan. (2001). *Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik perantis kimpu dalam Program Diploma Teknologi Marin Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM)*, Tesis Master UUM.
- Mohd Idris Saleh & Rohani Abdul Ghani. (2004). *Kenegaraan Malaysia*. Sintok: JPTM, UUM.
- Rohana Zubir. (1982). “The History teachers dilemma-fact or fiction”, *Masalah Pendidikan, 9*. Fakulti Pendidikan UM.
- Sharifah Mohd Nor. (1992). Faktor-faktor latar belakang yang berkaitan dengan pencapaian akademik murid darjah satu. *Pendidik dan Pendidikan, Jilid II*.
- Siti Rohah Abdullah. (1998). *Sikap guru dalam pengajaran Sejarah*. Tesis Master UUM.
- Stage, F.K. & Kloosterman, P. (1995). Gender, belief and achievement in remedial college-level Mathematics. *Journal of Higher Education, 294-311*. USA: Ohio State University Press.
- Tan Ai Hoon (1997). *Kajian terhadap pemikiran guru mengenai penyataan hasrat dan pelaksanaannya*. Sarjana Sastera, UM.
- Wan Halim Wan Othman. (1993). *Panduan: Pembinaan warga Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Zainal Abidin Abdul Wahid, “Peranan Sejarah dalam pengajaran dan pembelajaran untuk menanam semangat cintakan negara”, dalam Adnan Hj Nawang (ed.), (1985). *Pendidikan dan kewarganegaraan di Malaysia*. Kuala Lumpur: GPMS.
- Zainal Kling. “Pendidikan kewarganegaraan: Aspek seni dan nilai”, dalam Adnan Hj Nawang (ed.), (1985). *Pendidikan dan kewarganegaraan di Malaysia*. Kuala Lumpur: GPMS.

